

27 SEP 2002
Tuah-Buka
PM RASMI "HANG TUAH WALK"

MELAKA, 28 Sept (Bernama) -- Kira-kira 40,000 orang dijangka membanjiri pusat bandar Melaka di Jalan Hang Tuah sempena pembukaan laluan siar kaki "Hang Tuah Walk" oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis depan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Datuk Wira Poh Tiam berkata Dr Mahathir akan dibawa berarak menaiki beca dari Masjid Kampung Hulu ke pentas utama berhadapan bangunan Wisma Seri Negeri.

Beliau berkata Dr Mahathir akan menunaikan sembahyang Maghrib dan selepas itu menghadiri jamuan makan malam dengan para jemaah sebelum merasmikan Hang Tuah Walk yang dijadualkan pada pukul 8.30 malam.

Perdana Menteri dijadual melakukan lawatan kerja sehari ke Melaka Bandaraya Bersejarah pada 3 Okt dan antara lain akan merasmikan Konvensyen Dunia Melaka Dunia Islam.

Hang Tuah Walk sepanjang 1.5 kilometer itu merupakan mercu tanda baru Bandar Melaka.

Projek siar kaki selebar lima meter itu bermula dari simpang Jalan Munshi Abdullah hingga ke Hotel Golden Legacy dengan terdapat lima pusat menjual makanan dan makanan berkonsepkan "kiosk".

Poh berkata oleh kerana pembukaan "Hang Tuah Walk" berlangsung pada sebelah malam, persembahan hiburan akan dijayakan oleh kumpulan nasyid "Raihan" dan persembahan berbentuk sketsa dan pertunjukan bunga api.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Trafik daerah Melaka Tengah ASP Ahmad Salam Hamdan berkata Jalan Hang Tuah akan ditutup kepada semua lalulintas bermula pukul 9 pagi, Khamis ini.

Beliau berkata ini untuk memudahkan kerja-kerja memasang khemah untuk tetamu kenamaan dan kerja-kerja penyelenggaraan sempena pembukaan oleh Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah.

Katanya beberapa batang jalan utama di bandar Melaka akan ditutup bermula jam 6 petang termasuk Jalan Tun Mutahir, Lorong Graha Maju dan Lorong Yayasan Melaka.

Orang ramai yang menghadiri pembukaan Hang Tuah Walk itu boleh meletak kenderaan di kawasan hentian teksi Jalan Tun Ali, tanah lapang Jalan Tun Mutahir, bangunan Graha Maju, Yayasan Melaka dan Kampung Jawa.

Beliau berkata bas ekspres dan pengangkutan awam lain yang menghala ke bandar pada waktu pembukaan akan ditempatkan sementara di pasaraya Tesco di Peringgit.

"Kami menggalakkan orang awam yang menghadiri majlis supaya menaiki bas-bas yang disediakan oleh pihak penganjur," katanya.

Beliau berkata Jalan Syed Abdul Aziz dan Jalan Ong Kim Wee akan dibuka bagi melancarkan perjalanan kenderaan yang menghala ke Muar dan Alor Gajah.

-- Bernama
NO ZB